

Prospek insurans am diyakini kekal positif

Jangkaan kemungkinan industri insurans am mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada 2016, ternyata tidak mematahkan semangat kalangan penggiat yang sebaliknya kekal optimis terhadap prospek sektor itu dalam pasaran tempatan.


Mereka turut yakin industri berkenaan masih positif untuk terus mencatat perkembangan pada tahun depan.

"Tidak dinafikan pertumbuhan sebenar industri insurans am bagi tahun ini di bawah jangkaan. Namun, ia masih tetap positif dan kukuh," kata Ketua Pegawai Eksekutif QBE Insurance (Malaysia), Leo Zanolini di Kuala Lumpur, semalam.

Malah, QBE yang berpejabat di Australia dan menawarkan pelbagai insurans, turut menyasarkan untuk mengakhiri tahun ini dengan pertumbuhan hampir 20 peratus dari segi premium kasar taja jamin biarpun Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) menyasar pertumbuhan itu pada sekitar empat peratus.

Pada Ogos lalu, PIAM membuat semakan semula terhadap sasaran pertumbuhan premium kasar taja jamin kepada antara tiga sehingga empat pe-

ratus bagi tahun 2015 daripada 5.5 peratus kepada 6.5 peratus, sebelum ini.



Unjuran berhati-hati

Ini disebabkan faktor seperti penyusutan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), unjuran ekonomi yang lebih berhati-hati serta penyederhanaan dalam perbelanjaan pengguna akibat pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Ketua Pegawai Eksekutif PIAM, Mark Lim Kian Wei, turut ber-

kongsi rasa optimis terhadap prospek insurans am dengan menegaskan bahawa sektor ini mampu mengekalkan pertumbuhan yang berterusan.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Insurans Malaysia, Datuk Syed Moheeb Syed Kamarulzaman (**gambar**), pula mengunjurkan industri itu akan meningkat pada 2016, terutama dalam tempoh suku pertama.

Sementara itu, sektor insurans am itu mencatatkan premium kasar taja jamin RM9.07 bilion bagi enam bulan pertama 2015 iaitu peningkatan yang lebih perlahan sebanyak 2.3 peratus berbanding pertumbuhan 6.4 peratus bagi tempoh sama pada 2014.

PIAM menyifatkan kadar lebih rendah itu disebabkan persekitaran perniagaan dan operasi yang lebih mencabar.

Insurans motor perlahan

Menurutnya, unjuran lebih berhati-hati serta perbelanjaan pengguna yang menyederhana akibat ketidakpastian ekonomi berserta kenaikan kos hidup, ternyata menjejaskan kelas pendoran yang menjadi nadi utama perniagaan insurans berkenaan.

Insurans motor mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 2.1 peratus bagi tempoh berkenaan berbanding 8.3 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu.

BERNAMA